

Sambutan buktikan perpaduan kaum jitu

UM - 1 SEP 2003

PUTRAJAYA 31 Ogos — Sambutan Hari Kebangsaan Ke-46 yang pertama kali diadakan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Pusat, Putrajaya jelas menunjukkan gabungan kejayaan pembangunan negara dan perpaduan kaum yang cukup jitu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, **Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir** berkata, sambutan Hari Kebangsaan itu berjaya mencapai matlamat menyatupadukan rakyat dan sama-sama memajukan diri dan negara.

Tambah beliau, segalanya berjalan dengan lancar sebagaimana yang dirancang walaupun sebelum ini setiap hari hujan tetapi pada hari ini cuaca sangat baik.

"Ini menunjukkan bahawa Allah memakbulkan apa yang kita lakukan kerana ia bertujuan baik untuk menyatupadukan rakyat.

"Sambutan ini juga sedikit sebanyak dapat menyingkap kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh negara di bawah kepimpi-

nan Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** dari 1981 hingga sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas berarakannya Perarakan Hari Kebangsaan Ke-46 di Dataran Putrajaya, di kawasan Boulevard sepanjang 4.2 kilometer di sini hari ini.

Abdul Kadir berkata, sambutan rakyat yang cukup hebat itu membuktikan keputusan kabinet tiga tahun lepas untuk mengadakan sambutan Ambang Merdeka dan Hari Kebangsaan sebagai perayaan terbesar negara telah tercapai.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, **Tan Sri Muhyiddin Yassin** berkata, sambutan Hari Kebangsaan tahun ini merupakan satu yang hebat dan cukup bersemangat.

Kata beliau, persembahan yang disajikan adalah luar biasa dan menggambarkan segala kejayaan yang telah dicapai oleh negara khususnya pencapaian negara di bawah

pimpinan Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad**.

"Ini merupakan satu penghormatan kepada pimpinan Dr. Mahathir dan merupakan satu perhimpunan yang cukup luar biasa serta amat bersejarah," katanya.

Dalam pada itu, Presiden MCA, **Datuk Seri Ong Ka Ting** berkata, sambutan Hari Kebangsaan kali ini turut menyaksikan persembahan lebih bersemangat khususnya daripada kalangan peserta pelbagai kaum.

Tambahnya, dengan semangat yang ditunjukkan itu ia telah membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa negara kita mampu mengekalkan sifat perpaduan yang utuh dan berpanjangan.

"Kita tetap berbangga kerana dapat menyatupadukan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, kaum dan agama di bawah satu nama iaitu Malaysia.

"Perkara ini saya fikir adalah hadiah paling berharga untuk Dr. Mahathir yang akan bersara tidak lama lagi," ujarnya.

Menteri Pengangkutan, **Datuk Chan Kong Choy** berkata, sambutan Hari Kebangsaan yang julung kali diadakan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu sungguh meriah walaupun pada awal pagi terdapat sedikit hujan.

Katanya, kemeriahan itu dapat digambarkan melalui wajah-wajah masyarakat pelbagai kaum yang mengunjungi Boulevard di Dataran Putrajaya itu.

"Saya anggap ia adalah satu lagi acara yang akan dicatatkan dalam sejarah sebagai sambutan Hari Kemerdekaan yang paling meriah dianjurkan di negara kita," jelasnya.

Presiden Parti Progressif Penduduk (PPP), **Datuk M. Kayveas** berkata, sambutan hari ini benar-benar menunjukkan semangat patriotisme dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

"Kita berharap perpaduan yang ditunjukkan rakyat sama ada di dalam mahupun di luar persembahan ini akan dapat berkekalan selama-lamanya," katanya.